



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP  
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE  
ORGANIZATION (ACO)**

**MAJLIS IFTAR BERSAMA WARGA  
KELAINAN UPAYA  
KONSORTIUM PENYAYANG  
TERENGGANU BERHAD (KPTB)**

**23 MAC 2024 (SABTU)**

**5:30 PETANG**

**DSH BATU BUROK BEACH RESORT  
KUALA TERENGGANU**

---

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum            Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Ramadan Al-  
Mubarak

{SALUTASI            DISEDIAKAN            URUSETIA  
PROGRAM}

# Datuk-Datuk/Datin-Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Dihormati Sekalian

---

1. Syukur ke hadirat Allah S.W.T. atas kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Iftar Bersama Warga Kelainan Upaya dengan Kerjasama Konsortium Penyayang

Terengganu Berhad pada petang yang penuh barokah ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan keluarga serta para sahabat Baginda.

2. Saya turut bersyukur pada petang ini kerana dapat bersama-sama untuk berbuka puasa serta menyampaikan sumbangan Ramadan. Semoga

puasa kita diterima dan terpelihara seiring dengan amalan ibadah yang dilakukan sepanjang bulan Ramadan.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

3. Menerusi pendekatan secara berterusan dengan pengumuman Program CSR Coopcare ANGKASA pada setiap tahun, ANGKASA

berharap ianya dapat memberikan impak yang maksimum kepada penerima khususnya anggota koperasi dari golongan asnaf.

4. Seperti tahun-tahun sebelum ini, ANGKASA dengan Kerjasama Jawatankuasa Perhubungan Negeri ANGKASA (JPAN), koperasi serta badan NGO telah menjadikan

Program Berbuka Puasa sebagai kalender acara tahunan sempena bulan Ramadan. Ini bertujuan untuk mendekati anggota koperasi selain menyalurkan sumbangan dan bantuan kepada golongan asnaf.

5. Pendekatan seumpama ini diharapkan dapat mendekatkan lagi

ANGKASA dengan koperasi anggotanya dan membolehkan semua pihak bersama-sama menyantuni anggota koperasi selain berkongsi kegembiraan menyambut Syawal dengan mereka yang kurang berkemampuan.

**Hadirin yang Dihormati Sekalian**

6. Pada hari ini, sebanyak 300 bag sumbangan bernilai RM9,000.00 akan disumbangkan kepada anggota Konsortium Koperasi Penyayang Terengganu Berhad dan anggota koperasi sekitar negeri Terengganu.

7. Semoga sumbangan yang diberikan pada hari ini sedikit sebanyak

dapat membantu sepanjang menyambut Ramadan dan persediaan Aidilfitri. Suka juga saya nasihatkan bahawa bersederhanalah dan elakkan pembaziran dalam membuat persiapan menyambut Aidilfitri. Semoga Ramadan dan Syawal yang bakal menjelang ini mendapat barakah daripada Allah SWT.

## Hadirin yang Dihormati Sekalian

8. Berdasarkan statistik SKM, jumlah koperasi yang berdaftar di seluruh Terengganu sehingga Jun 2023 adalah sebanyak **811 buah** koperasi dengan keanggotaan berjumlah **243,112 orang**, syer/yuran sebanyak **RM305.61 juta** dengan jumlah aset sebanyak

**RM713 juta** dan perolehan sebanyak

**RM431.53 juta.**

9. Saya yakin percaya angka ini boleh dipertingkatkan menerusi kesedaran dan minat menyertai koperasi dan menjadikannya sebagai satu gaya hidup yang akan menyumbang kepada kemakmuran sosio- ekonomi negara.

10. Saya yakin, koperasi adalah pendekatan yang efektif bukan sahaja dalam merangsang pembangunan usahawan, bahkan berupaya memainkan peranan besar dalam membantu golongan B40 khususnya golongan kurang upaya menangani cabaran peningkatan kos sara hidup.

11. Dalam konteks berkoperasi, kuasa yang ada di tangan kita menentukan

harga patut dengan kualiti jaminan penggunaan. Kuasa gerakan koperasi boleh memberi kesan kepada harga barangan pengguna di pasaran kerana melalui koperasi; kita adalah pemilik dan kita juga adalah pengguna.

**Hadirin yang Dihormati Sekalian**

12. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang menjayakan program ini khususnya Konsortium Koperasi Penyayang Terengganu Berhad. Semoga bulan suci ini dapat diraikan dengan penuh semangat muhibah dan rasa rendah diri.

13. Masih tidak terlambat untuk saya mengucapkan selamat meneruskan

ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk merebut malam Lailatulqadar. Seterusnya marilah kita sama-sama berdoa agar Ramadan pada kali ini akan menjadikan kita manusia yang lebih baik lagi selepas

ini, setelah berjaya menempuhi ujian madrasah Ramadan.

Wabillahi taufik walhidayah,  
Assalamualaikum                warahmatullahi  
wabarakatuh.

Terima kasih.